

Agong Berangkat Hadir Mesyuarat Majlis Raja-raja kali ke-235

Bernama

Jun 19, 2014

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Khamis berangkat menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-235 di Istana Negara di sini.

Mesyuarat itu dipengerusikan Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Mesyuarat hari kedua itu dihadiri kesemua Raja Melayu kecuali Pahang yang tidak menghantar wakil. Kesemua Yang Dipertua Negeri turut hadir.

Dalam mesyuarat itu, Raja-Raja Melayu diiringi Menteri Besar masing-masing manakala Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman Abbas, Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob, Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Johar Mahiruddin dan Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Abdul Taib Mahmud diiringi Ketua Menteri masing-masing.

Turut hadir Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin dan Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Mohd Bakri Mohd Zinin.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Datuk Seri Syed Danial Syed Ahmad dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa ahli mesyuarat itu diberikan taklimat terkini mengenai pertahanan negara oleh Zulkifeli serta isu keselamatan oleh Mohd Bakri.

Beliau berkata mesyuarat dua jam itu turut membincangkan perkara-perkara mengenai hal ehwal agama Islam, pelantikan timbalan pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya dan pelantikan hakim-hakim Mahkamah Atasan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1047620>